



PM ucap terima kasih MCA, MIC pertahan Kerajaan Perpaduan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad - Julai 6, 2023 @ 12:10pm
hazwanfaisal@mediaprime.com.my

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengucapkan terima kasih kepada MCA dan MIC kerana masih mempertahankan Kerajaan Perpaduan walaupun tidak akan bertanding dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) bulan depan.

"Kedua-dua Presiden MCA dan MIC ada menghubungi saya dan menyatakan bahawa PRN ini mereka tidak akan bertanding tetapi akan memberi sokongan."

"Saya fikir itu adalah dalam ruang kuasa BN, tetapi saya ucap terima kasih kerana kesudian mereka membantu dan masih mempertahankan Kerajaan Perpaduan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Persidangan Kesejahteraan Sosial Antarabangsa Ke-10 2023 (ISWC 2023) dan melancarkan aplikasi i-Akaun KWSP di sini, hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dan Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Semalam MCA dan MIC mengumumkan tidak akan bertanding pada (PRN di Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan, bulan depan.

Setiausaha Agungnya, Datuk Chong Sin Woon, dalam kenyataan hari ini berkata dalam tempoh ini, MCA sebaliknya akan menumpukan kepada persediaan menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16), selain melaksanakan pembaharuan dan kebangkitan semula parti itu.

Sementara itu Setiausaha Agung MIC, RT Rajasekaran dalam kenyataan semalam berkata, keputusan itu dibuat pada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) yang berlangsung pada 30 Jun lalu setelah meneliti keadaan politik semasa dan mendengar pandangan setiap ahli CWC.

Dalam pada itu ditanya mengenai pertemuan di antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Pengurus Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, Anwar berkata ia bukan perkara baru.

"Kita faham kelompok ini akan tetap bersekongkol, mempertahankan cara mereka dan harta mereka.

"Kita bertanggungjawab untuk menyelamatkan negara," katanya.

Mengenai keputusan Mahkamah Persekutuan baru-baru ini yang mengesahkan keputusan Mahkamah Rayuan undang-undang pencegah yang dipindah sebagai terbatal dan tidak sah, Anwar berkata kerajaan akan menangani isu berkaitan.

"Kita akan uruskannya, kerajaan menghormati keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan.

"Kita mempunyai mekanisme untuk melindungi pesara. Perincianya akan diumumkan nanti, ia sedang diusahakan buat masa ini," katanya.